




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

19 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 242 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 244,823 kes. Dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Tuaran dan satu (1) lagi kes di Kota Marudu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 230 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 237,074 orang. Manakala 724 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 405 orang di hospital, 312 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tujuh (7) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 28 orang merangkumi 26 di ICU/repurposed kritikal *care* serta dua (2) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan tujuh (7) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 22 (26.51%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Jingga tujuh (7) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Satu (1) kluster baharu yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah berasrama di Sandakan mengakibatkan jumlah harian di Sabah melonjak ke 242 kes. Ini merupakan peningkatan 41 kes berbanding semalam.
- b. Sebanyak enam (6) daerah mencatatkan kes dua (2) angka dengan Sandakan (74 kes), Kota Kinabalu (33 kes) dan Tuaran (23 kes). Sebanyak 15 daerah mencatatkan kes satu (1) angka dan enam (6) daerah tidak merekodkan sebarang kes baharu.
- c. Dua (2) daerah mencatatkan peningkatan dua (2) angka iaitu Sandakan +60 kes dan Kota Belud +11 kes, manakala hanya satu (1) daerah yang menunjukkan penurunan dua (2) angka iaitu Tuaran -14 kes. Sebanyak lapan (8) daerah kekal sebagaimana catatan semalam.
- d. Satu (1) lagi kluster institusi pendidikan tercetus di Sandakan, iaitu Kluster Jalan Pertukangan. Kes indeks adalah seorang pelajar asrama SMK Sandakan, berumur 16 tahun. Kes mula bergejala pada 16 Januari 2022, menjalani ujian pengesanan COVID-19 dan disahkan positif pada hari yang sama. Saringan bagi mengesan kontak rapat kes telah dijalankan dan sehingga kini telah berjaya mengesan 72 lagi kes positif. Kesemua pesakit adalah dalam Kategori 1 dan 2 sahaja dan telah diberikan rawatan yang sesuai.
- e. Sebanyak 238 daripada 242 kes baharu hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2, tiga (3) kes dalam Kategori 3, tiada kes dalam Kategori dan 1 pesakit dalam Kategori 5.
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (87) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------------|---------------------|------------------|
| 1 | Kluster | 71 | 29.34% |
| 2 | Bergejala | 64 | 26.45% |
| 3 | Kontak | 87 | 35.95% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.00% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 20 | 8.26% |
| JUMLAH | | 242 | 100% |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (18 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 18/01/2022 | Catatan Kes 19/01/2022 | Perbandingan |
|---------------|---------------|---------------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | Sandakan | 14 | 74 | +60 |
| 2 | Kota Belud | 1 | 12 | +11 |
| 3 | Papar | 4 | 13 | +9 |
| 4 | Beaufort | 2 | 7 | +5 |
| 5 | Putatan | 0 | 5 | +5 |
| 6 | Sipitang | 3 | 6 | +3 |
| 7 | Beluran | 6 | 7 | +1 |
| 8 | Semporna | 0 | 1 | +1 |
| 9 | Kinabatangan | 0 | 1 | +1 |
| 10 | Penampang | 18 | 18 | Mendatar |
| 11 | Kuala Penyu | 4 | 4 | Mendatar |
| 12 | Lahad Datu | 2 | 2 | Mendatar |
| 13 | Nabawan | 0 | 0 | Mendatar |
| 14 | Tongod | 0 | 0 | Mendatar |
| 15 | Pitas | 0 | 0 | Mendatar |
| 16 | Kudat | 0 | 0 | Mendatar |
| 17 | Kunak | 0 | 0 | Mendatar |
| 18 | Tuaran | 37 | 23 | -14 |
| 19 | Kota Kinabalu | 42 | 33 | -9 |
| 20 | Tawau | 14 | 6 | -8 |
| 21 | Keningau | 13 | 7 | -6 |
| 22 | Tambunan | 12 | 7 | -5 |
| 23 | Kota Marudu | 10 | 6 | -4 |
| 24 | Ranau | 10 | 6 | -4 |
| 25 | Tenom | 5 | 3 | -2 |
| 26 | Kalabakan | 2 | 0 | -2 |
| 27 | Telupid | 2 | 1 | -1 |
| JUMLAH | | 201 | 242 | +41 |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 14 Hari (5 Januari – 18 Januari) |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|--|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Sandakan | 67 | 3 | 4 | 0 | 0 | 74 | 174 |
| Kota Kinabalu | 0 | 21 | 11 | 0 | 1 | 33 | 629 |
| Tuaran | 0 | 16 | 5 | 0 | 2 | 23 | 318 |
| Penampang | 0 | 12 | 5 | 0 | 1 | 18 | 286 |
| Papar | 0 | 6 | 7 | 0 | 0 | 13 | 195 |
| Kota Belud | 0 | 9 | 2 | 0 | 1 | 12 | 171 |
| Keningau | 0 | 2 | 4 | 0 | 1 | 7 | 146 |
| Tambunan | 2 | 1 | 1 | 0 | 3 | 7 | 112 |
| Beluran | 0 | 6 | 1 | 0 | 0 | 7 | 40 |
| Beaufort | 0 | 1 | 6 | 0 | 0 | 7 | 95 |
| Tawau | 0 | 1 | 2 | 0 | 3 | 6 | 78 |
| Ranau | 2 | 0 | 1 | 0 | 3 | 6 | 240 |
| Kota Marudu | 0 | 3 | 1 | 0 | 2 | 6 | 109 |
| Sipitang | 0 | 1 | 5 | 0 | 0 | 6 | 56 |
| Putatan | 0 | 1 | 4 | 0 | 0 | 5 | 80 |
| Kuala Penyu | 0 | 1 | 2 | 0 | 1 | 4 | 79 |
| Tenom | 0 | 0 | 2 | 0 | 1 | 3 | 84 |
| Lahad Datu | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 2 | 25 |
| Telupid | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 26 |
| Semporna | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 11 |
| Kinabatangan | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 32 |
| Kalabakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 10 |
| Kudat | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 21 |
| Kunak | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 |
| Pitas | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 17 |
| Tongod | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 21 |
| Nabawan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 28 |
| JUMLAH | 71 | 87 | 64 | 0 | 20 | 242 | 3,089 |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Nama Kluster | Jumlah Kes Baharu |
|---------------|-------------------------------------|-------------------|
| Ranau | Kluster Puri Ranau | 2 |
| Tambunan | Kluster Jalan Kepayan Lama Tambunan | 2 |
| Sandakan | Kluster Jalan Pertukangan | 67 |
| Jumlah | | 71 |

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Jalan Pertukangan - Sandakan ialah kluster jenis institusi pendidikan dan kerana berlaku di Asrama SMK Sandakan di Jalan Pertukangan, mukim Pantai Elopura daerah Sandakan. Kes indeks merupakan pelajar lelaki, 16, bergejala demam, batuk dan selsema sejak 16 Januari 2022 kemudian didapati positif COVID-19 RTK AG pada hari yang sama dan telah dikuarantin serta diberi rawatan selanjutnya. Saringan terhadap 117 pelajar mengesan 72 lagi kes positif COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 73 kes. Semua kes positif adalah dalam kategori ringan (Kategori 1 & 2) dan telah dikuarantin dan diberikan rawatan yang sesuai.

7 Jumlah kapasiti katil 3,767 unit

- Hospital 1,170 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,407 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 19.22%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 19 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|------------|
| Tempatan | 241 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 0 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 0 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 1 |
| Jumlah | 242 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|------------------------|------------|
| Malaysia | 236 |
| Bukan Malaysia | 6 |
| Jumlah | 242 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-------------------------------|------------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 12) | 19 |
| Belum Menerima Vaksin | 15 |
| Menerima 1 Dos | 0 |
| Lengkap 2 Dos | 193 |
| Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak | 15 |
| Jumlah | 242 |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------------|------------|
| <1 | 3 |
| 1 to 5 | 7 |
| 6 to 11 | 9 |
| 12 to 17 | 85 |
| 18 to 25 | 35 |
| 26 to 59 | 91 |
| >60 | 12 |
| Jumlah | 242 |

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 18 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 10,019 orang. Daripada jumlah ini, seramai 9,923 orang adalah penduduk dewasa dan 96 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 18 Januari 2022 adalah seramai 2,452,994 orang. Ini meliputi 2,115,986 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.71% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,408,692 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,096,275 orang atau 76.00% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,008 orang atau 77.65% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,417 atau 71.99% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,995** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,130 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 44 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 129 pemeriksaan

di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 946 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu satu (1) di daerah Penampang dan satu (1) di daerah Nabawan.
- ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 249 premis perniagaan dan 332 individu di 18 kawasan. Empat (4) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Sri Ebina (M) Sdn. Bhd., Lintas Square (2 Orang), Lee Colora Advertising Sdn. Bhd. (1 Orang) dan Seni Gemilang Sdn. Bhd., Lintas Square (1 Orang). Dua (2) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pemilik tiada pengimbas suhu di Syarikat Letrik Ken Sin dan Maeza Bina Sdn. Bhd., Lintas Square.

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 354 Premis Perniagaan melibatkan 183 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (6) premis, melibatkan empat (4) buah BBP pada hari ini.

7 Sejumlah 106 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.

8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 114 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|------------|---------------|----------------|
| 1 | Kunak | 98.7% |
| 2 | Kudat | 98.6% |
| 3 | Kinabatangan | 98.6% |
| 4 | Sipitang | 98.6% |
| 5 | Kota Kinabalu | 98.5% |
| 6 | Keningau | 98.5% |
| 7 | Beaufort | 98.4% |
| 8 | Kota Marudu | 98.4% |
| 9 | Kota Belud | 98.4% |
| 10 | Tenom | 98.4% |
| 11 | Beluran | 98.4% |
| 12 | Sandakan | 98.4% |
| 13 | Papar | 98.3% |
| 14 | Lahad Datu | 98.3% |
| 15 | Tawau | 98.3% |
| 16 | Penampang | 98.2% |
| 17 | Semporna | 98.2% |
| 18 | Ranau | 98.2% |
| 19 | Tuaran | 98.2% |

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II